

Siam Kelantan bukti integrasi unik Malaysia

➔ Bebas anuti agama asal, amal adat resam, bertutur bahasa sendiri

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Bangi

Kewujudan masyarakat Siam di Kelantan menunjukkan bagaimana pembinaan negara bangsa berlangsung berdasarkan pasak integrasi dan bukannya konsep asimilasi seperti ditunjukkan negara lain.

Meskipun menjadi kumpulan minoriti di negeri itu, konsep integrasi yang diamalkan membolehkan etnik itu terus menyubur jati diri etnik Siam mereka.

Pengarah dan Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, berkata amalan itu berbeza dengan negara jiran termasuk Indonesia, Thailand dan Filipina yang mengangkat konsep asimilasi disebabkan faktor demografik serta kependudukannya.

Shamsul Amri berkata, di Kelantan meskipun Melayu menjadi penduduk majoritinya, masyarakat Siam masih bebas menganuti

agama asal, mengamalkan adat resam dan bertutur dalam bahasa Siam.

"Malah proses alkuterasi, iaitu pinjam-meminjam unsur budaya di kalangan etnik berbeza ini juga turut berlangsung," katanya ketika menyampaikan ucap terna pada Wacana Warisan Siam Kelantan Sempena Memperingati Siri Neng Buah di UKM, di sini.

Peringati Siri Neng Buah

Wacana kendalian Felo Utama KITA, Prof Datuk Dr Teo Kok Seong itu disertai penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2000, Dr Lim Swee Tin; Pegawai Perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), E Pian Pro Poul; Pengerusi Persatuan Masyarakat Siam Kelantan, Pim Chau Dam dan penyelidik bebas, Che Adnan Che Kadir.

Yang turut hadir, Naib Canselor UKM, Prof Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Raduan Che Ros; Ahli Dewan Negara, Senator Aknan Eh Took; isteri mendiang Siri Neng



Kok Seong (dari kiri), Shamsul Amri, Raduan dan Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana) UKM, Prof Datuk Dr Nor Ghani Md Nor pada Wacana Warisan Siam Kelantan Sempena Memperingati Siri Neng Buah di UKM, baru-baru ini.

Buah, Mek Kechiom Eh Phreng dan anak perempuannya.

Siri yang juga Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup meninggal dunia pada April tahun lalu adalah penggiat dan pakar rujuk budaya yang tidak asing dalam dunia kesenian, budaya, sastera serta sejarah tanah air.

Pengetahuan luasnya dalam kebudayaan bukan hanya meliputi kebudayaan masyarakat Siam saja malah mendiang juga arif dalam kebudayaan masyarakat Melayu termasuk Mak Yong dan Mena.

Shamsul Amri berkata, Siri yang pernah menjadi Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara, Jabatan Warisan Negara sebelum bersara pada 2011, menyerlahkan aspek integrasi di kalangan masyarakat Siam yang tinggal di Kelantan.

"Mendiang menganggotai dua pasukan wayang kulit dan menjadi tok dalang dalam persembahan.

"Menariknya, penonton tidak tahu Tok Dalang itu sebenarnya adalah seorang Siam Kelantan kerana dialeknya sama saja dengan Melayu Kelantan," katanya.

Menurut Shamsul Amri, antara yang menyebabkan pasak integrasi berjaya dikukuhkan di negara ini adalah kekuatan negara terutamanya dalam prinsip rundingan, tolak ansur dan perantaraan yang disifatkannya sebagai 'tidak dirasai secara jelas' tetapi menjadi satu amalan sejak sekian lama.

Penjelmaan integrasi

"Penjelmaan integrasi tidak semestinya hanya berlaku jika diadakan jamuan, kenduri atau pertunjukan malah kita boleh menyaksikannya dalam kegiatan seharian.

"Semua ini memang sudah sedia ada dan dipaparkan oleh masyarakat di negara ini cuma ia tidak dirakam dan diceritakan," katanya.

Sementara itu, E Pian yang turut menganggotai Persatuan Siam Kelantan Kuala Lumpur dan Selangor (PESILA) bersama mendiang berkata, Siri memberi sumbangan besar kepada kerancakan kesenian Siam melalui persatuan itu.

Katanya, Siri yang dipanggil Phi, memainkan peranan besar menghimpunkan pelbagai persatuan

Siam dalam negara bagi mempersembahkan kesenian Siam di Daratan Merdeka bersempena Citrawarna yang pertama kali diadakan pada tahun 1999.

"Hampir sebulan sebelum meninggal dunia, Siri yang juga Penasihat Kebudayaan dan Kesenian PESILA, teruja apabila diundang menghadiri Konvensyen Masyarakat Siam Malaysia yang berlangsung di Pendang, Kedah.

"Apabila diminta untuk bercakap dalam konvensyen itu, mendiang jadi segar sedangkan sebelum itu Siri tidak begitu sihat tetapi mengenali beliau memang begitulah semangatnya apabila membicarakan mengenai masyarakat Siam," katanya.

Katanya, dalam pertemuan terakhir di kediaman Siri, mendiang sempat menyatakan hasrat mengadakan bicara buku membabitkan naskhah dihasilkan oleh E Pian dan juga abangnya, Suwanlerd Pro Poul.

"Itulah kali terakhir kami bertemu dan cita-cita beliau mengadakan bicara karya bagi buku itu tidak tercapai," katanya.